



29 Disember 2023
29 December 2023
P.U. (A) 408

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PELANCONGAN (PINDAAN) (NO. 2) 2023

TOURISM TAX (AMENDMENT) (NO. 2) REGULATIONS 2023

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PELANCONGAN 2017

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PELANCONGAN (PINDAAN) (NO. 2) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 70 Akta Cukai Pelancongan 2017 [Akta 791], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Pelancongan (Pindaan) (No. 2) 2023**.
- (2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024.

Penggantian peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Cukai Pelancongan 2017 [P.U. (A) 228/2017], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan peraturan 2 dengan peraturan yang berikut:

“Permohonan bagi pendaftaran

2. (1) Seseorang pengendali yang memohon untuk berdaftar di bawah seksyen 10 Akta hendaklah memohon kepada Ketua Pengarah.

(2) Apabila permohonan yang disebut dalam subperaturan (1) diterima, Ketua Pengarah hendaklah memberikan suatu nombor pendaftaran cukai pelancongan dan mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran kepada pengendali yang pendaftarannya telah diluluskan.”.

Pemotongan peraturan 3

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 3.

Pindaan peraturan 4

4. Peraturan 4 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan—
- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**sijil**” dengan perkataan “**perakuan**”; dan
 - (b) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “sijil” dengan perkataan “perakuan”.

Pindaan peraturan 6

5. Perenggan 6(5)(c) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “nombor pengenalan” dengan perkataan “nombor pendaftaran”.

Pindaan Bahagian IV

6. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam kepala Bahagian IV dengan menggantikan perkataan “**PENYATA DAN PEMBAYARAN**” dengan perkataan “**PEMBAYARAN DAN PEMBAYARAN BALIK**”.

Pemotongan peraturan 7

7. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 7.

Pemotongan peraturan 8

8. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 8.

Pindaan peraturan 11

9. Peraturan 11 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Mana-mana orang yang layak untuk menuntut pembayaran balik di bawah seksyen 21 atau seksyen 22 Akta hendaklah memohon kepada Ketua Pengarah.”.

Pindaan peraturan 13

10. Peraturan 13 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Borang TTx-04” dengan perkataan “bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah”.

Pemotongan peraturan 20

11. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 20.

Pemotongan Jadual Kedua

12. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong Jadual Kedua.

Dibuat 22 Disember 2023

[MOF.TAX(S)700-1/3/17]LD.4; KE.HF(152)899/07(16); PN(PU2)745/JLD.3]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Menteri Kewangan Kedua

TOURISM TAX ACT 2017

TOURISM TAX (AMENDMENT) (NO. 2) REGULATIONS 2023

IN exercise of the powers conferred by section 70 of the Tourism Tax Act 2017 [*Act 791*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Tourism Tax (Amendment) (No. 2) Regulations 2023**.

(2) These Regulations come into operation on 1 January 2024.

Substitution of regulation 2

2. The Tourism Tax Regulations 2017 [P.U. (A) 228/2017], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended by substituting for regulation 2 the following regulation:

“Application for registration

2. (1) An operator who applies to be registered under section 10 of the Act shall apply to the Director General.

(2) Upon receipt of the application referred to in subregulation (1), the Director General shall assign a tourism tax registration number and issue a certificate of registration to the operator whose registration has been approved.”.

Deletion of regulation 3

3. The principal Regulations are amended by deleting regulation 3.

Amendment of regulation 4

4. Regulation 4 of the principal Regulations is amended in the national language text—

(a) in the shoulder note, by substituting for the word “**sijil**” the word “**perakuan**”; and

(b) in subregulation (1), by substituting for the word “sijil” the word “perakuan”.

Amendment of regulation 6

5. Paragraph 6(5)(c) of the principal Regulations is amended by substituting for the words “identification number” the words “registration number”.

Amendment of Part IV

6. The principal Regulations are amended in the heading of Part IV by substituting for the words “RETURNS AND PAYMENT” the words “PAYMENT AND REFUND”.

Deletion of regulation 7

7. The principal Regulations are amended by deleting regulation 7.

Deletion of regulation 8

8. The principal Regulations are amended by deleting regulation 8.

Amendment of regulation 11

9. Regulation 11 of the principal Regulations is amended by substituting for subregulation (1) the following subregulation:

“(1) Any person who is eligible to claim for a refund under section 21 or section 22 of the Act shall apply to the Director General.”.

Amendment of regulation 13

10. Regulation 13 of the principal Regulations is amended by substituting for the words "Form TTx-04" the words "the form and manner as determined by the Director General".

Deletion of regulation 20

11. The principal Regulations are amended by deleting regulation 20.

Deletion of Second Schedule

12. The principal Regulations are amended by deleting the Second Schedule.

Made 22 December 2023

[MOF.TAX(S)700-1/3/17]LD.4; KE.HF(152)899/07(16); PN(PU2)745/JLD.3]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Second Minister of Finance